

Kosmo Online 08 June 2018

Al Rajhi unjur premium RM3.5 juta

Jalin usaha sama eksklusif 10 tahun bankatakaful dengan Sun Life Malaysia



Steve (dua dari kanan) dan Raymond (dua dari kiri) berjabat tangan selepas memeterai perjanjian bankatakaful antara Al Rajhi Bank dan Sun Life Malaysia sambil disaksikan oleh Muhammad Fikri (kiri) dan Peter (kanan).

KUALA LUMPUR – Al Rajhi Bank Malaysia (Al Rajhi Bank) mengunjurkan premium bertulis kasar bernilai RM3.5 juta sehingga akhir tahun ini. Nilai tersebut mampu dicapai ekoran kerjasama bankatakaful yang dijalinkan dengan Sun Life Malaysia Takaful Bhd. (Sun Life Malaysia).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Steve Chen berkata, sehingga kini terdapat dua produk takaful telah diperkenalkan.

Produk tersebut ialah Sinar Health Plan yang dilancarkan pada Februari Iepas dan Sinar Baraqah yang diperkenalkan pada awal April Iepas.

"Sehingga kini, produk Sinar Health Plan telah mempunyai lebih 200 pemegang polisi dengan jualan bernilai kira-kira RM230,000.

"Dengan dibantu oleh kekuatan jenama Sun Life Malaysia dalam industri takaful di negara ini, kami yakin dapat membina kehadiran yang kukuh dalam segmen bankatakaful.